

SIARAN AKHBAR



Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@lth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabung haji.gov.my

TH SERAH ZAKAT PERNIAGAAN 2013 KEPADA JABATAN ZAKAT NEGERI KEDAH

ALOR SETAR, 14 Mei 2014 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) menyerahkan zakat perniagaannya berjumlah **RM3,769,128.73** bagi tahun 2013 kepada Jabatan Zakat Negeri Kedah, dalam satu majlis ringkas di Istana Anak Bukit, Alor Setar hari ini .

Pembayaran zakat bagi Negeri Kedah tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak **9 peratus** berbanding RM3,460,121.68 pada 2012. Pembayaran zakat perniagaan **TH** telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Paduka Ismee Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah.

Jumlah keseluruhan zakat perniagaan **TH** untuk tahun kewangan 2013 yang dibayar kepada negeri-negeri di Malaysia adalah sebanyak **RM46.29 juta** berbanding RM41.21 juta (2012). Peningkatan jumlah keseluruhan pembayaran zakat ini adalah sejajar dengan prestasi pendapatan keseluruhan **TH** yang memberangsangkan bagi 2013. Bagi Negeri Kedah, pengagihan zakat yang diterimanya bagi tempoh tiga tahun berturut-turut adalah **RM3,769,128.73 (2013)**, **RM3,460,121.68 (2012)** dan **RM3,297,105.03 (2011)**.

Pembayaran zakat perniagaan merupakan kewajipan dan tanggungjawab **TH** sebagaimana yang disyariatkan dalam Islam, selain memperlihatkan keprihatinannya sebagai sebuah institusi Islam ikonik negara dalam melestarikan ekonomi dan menjamin kemaslahatan ummah khususnya golongan asnaf.

Selain pembayaran kepada pusat-pusat zakat, **TH** turut mengagihkan zakatnya secara terus kepada golongan asnaf di seluruh negara melalui program-program

tanggungjawab korporat yang disusun atur sepanjang tahun bagi golongan tersebut seperti *Program Ehsan, Program Iqra'* dan *Program Baiti*.

Turut berada di dalam majlis tersebut juga adalah YBhg. Dato' Syeikh Ghazali Yaacob, Setiausaha Jabatan Zakat Negeri Kedah, Tuan Haji Ahmad Sohaimi Dato' Abd. Rahim, Pengarah **TH** Negeri Kedah, pegawai-pegawai Jabatan Zakat Negeri Kedah dan **TH**.

- Tamat -

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam operasi pengurusan Haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah perladangan, hartanah, pembinaan, perbankan, teknologi maklumat, minyak & gas asli, pelancongan, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 119 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.